

Jenis Akhbar :Bernama Online
Tarikh : 11/07/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa Saran Guna Sistem Spekar Urus Pinjaman Penjawat Awam

Tarikh kemaskini: 11/07/2017

SHAH ALAM, 11 Julai (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mencadangkan supaya kerajaan mengguna pakai Sistem Pelaporan Kredit (Spekar) yang melibatkan kerjasama Angkasa bersama dua agensi lain dalam menguruskan hutang pinjaman penjawat awam.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata sistem itu mampu mengelakkan penjawat awam meminjam melebihi kemampuan sekali gus dapat memastikan koperasi mendapat semula pulangan wang mereka.

"Baru-baru ini kita telah bertemu dengan Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Dr Ali Hamsa) dan berbincang untuk mengguna pakai sistem ini yang mana akan melibatkan tiga agensi iaitu Angkasa, Jabatan Akauntan Negara dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

"Sistem ini akan dipusatkan bagi memudahkan agensi pinjaman yang membuat potongan gaji kepada penjawat awam dapat membuat semakan terlebih dahulu supaya jumlah pinjaman tidak melebihi 60 peratus daripada jumlah gaji kasar penjawat awam, " katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kelestarian Koperasi Kredit di sini, hari ini.

Turut hadir Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Datuk Azih Muda.

Abdul Fattah berkata cadangan itu dibuat susulan tindakan Jabatan Akauntan Negara mengeluarkan pekeliling arahan pelaksanaan sekatan bayaran potongan gaji penjawat awam sehingga maksimum 60 peratus daripada jumlah gaji kasar bagi menangani masalah hutang penjawat awam, bermula April lepas.

"Buat masa ini institusi pinjaman perlu merujuk antara satu sama lain untuk melihat rekod pinjaman penjawat awam, tetapi dengan menggunakan sistem ini (Spekar), mereka dapat mengetahui maklumat berhubung status pinjaman penjawat awam.

Menerusi langkah ini, kita juga boleh tentukan sama ada pinjaman dipohon diluluskan atau tidak selain dapat mengelakkan mereka (penjawat awam) berdepan risiko muflis, " katanya.

-- BERNAMA